

Penyelesaian komprehensif untuk kesejahteraan pekerja anda



Sumber manusia merupakan pelaburan yang kritikal dan daya penggerak di sebalik perniagaan anda. Etiqa SME Care Takaful membolehkan anda melindungi pekerja anda dengan perlindungan komprehensif melalui perkhidmatan Fast & Easy kami untuk pekerja dan majikan:



'One-stop Solution'

Pekerja dapat menikmati perlindungan terhadap kematian, hilang upaya, penyakit, penghospitalan & pesakit luar daripada satu pembekal tunggal.



Penjagaan Perubatan Tanpa Kad Perubatan

Pekerja boleh dirawat di hospital & klinik tanpa memerlukan kad perubatan.



Penjagaan Perubatan Tanpa Bayaran Tunai

Surat Jaminan disediakan untuk kemasukan tanpa bayaran di hospital panel di seluruh negara dengan hanya satu panggilan ke talian hotline 24/7 kami. Pekerja juga boleh mendapatkan rawatan perubatan di klinik panel tanpa bayaran.



Aplikasi Etiqa Smile

Aplikasi yang memudahkan pekerja melalui fungsi layan diri seperti merujuk Surat Jaminan & maklumat sijil dengan serta-merta, di mana sahaja & pada bila-bila masa.

Nota: Tawaran adalah tertakluk pada terma & syarat.

Penyelesaian komprehensif yang fleksibel untuk keperluan perniagaan anda:



Takaful Keluarga Berkelompok

Perlindungan asas akan diperuntukkan terhadap kejadian berikut:

- Kematian
- Hilang Upaya Menyeluruh Dan Kekal
- Hilang Upaya Separa Dan Kekal
- Penyakit Terminal

Melindungi pekerja anda daripada ketidakpastian dalam kehidupan dengan bayaran sekaligus.

Manfaat **tambahan** terhadap penyakit kritikal:

- 36 Penyakit Kritikal

Memastikan pekerja anda mempunyai peluang pemulihan sekiranya mereka didiagnosis dengan penyakit kritikal.



Hospital & Pembedahan Berkelompok

Manfaat **tambahan** perubatan di seluruh negara:

- Kemasukan ke hospital tanpa bayaran tunai
- Perlindungan komprehensif penghospitalan & pembedahan yang meliputi Pra & Selepas penghospitalan
- Rawatan Kanser & Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar
- Bayaran tunai sebanyak RM10,000 untuk Perbelanjaan Pengebumian

Memastikan pekerja anda menumpukan perhatian kepada pemulihan tanpa rasa bimbang mengenai kos perubatan.



Pesakit Luar Berkelompok

Manfaat **tambahan** untuk rawatan perubatan di klinik atau pusat pakar perubatan:

- Penjagaan perubatan tanpa bayaran tunai
- Rawatan penjagaan pengamal perubatan yang tidak terhad
- Rawatan penjagaan pakar perubatan
- Akses ke rangkaian klinik & pakar perubatan yang luas di seluruh negara

Memastikan pekerja anda mendapat rawatan perubatan yang cepat dengan memasukkan tanpa tunai daripada rangkaian panel yang luas di seluruh negara.

Apa yang setiap pekerja akan perolehi secara terperinci



Takaful Keluarga Berkelompok

Jumlah Manfaat Keseluruhan

Manfaat	Pilihan Jumlah Yang Dilindungi (RM)						
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7
Manfaat Asas							
a) Kematian b) Hilang Upaya Menyeluruh Dan Kekal c) Hilang Upaya Separa Dan Kekal d) Penyakit Terminal*	300,000	250,000	200,000	150,000	100,000	50,000	20,000
Manfaat Tambahan							
36 Penyakit Kritikal (50% daripada jumlah asas yang dilindungi dikurangkan)	150,000	125,000	100,000	75,000	50,000	25,000	10,000

* Tertakluk pada jumlah yang dilindungi untuk penyakit terminal atau penyakit kritikal (jika berkenaan) sehingga maksimum RM100,000, yang mana lebih rendah.



Pesakit Luar Berkelompok

Jumlah Manfaat Keseluruhan

Manfaat	
A) Rawatan Pesakit Luar Di Bawah Pengamal Perubatan (GP)	
Panel • Rundingan • Ubat-ubatan • Suntikan • Prosedur • Prosedur Diagnostik Makmal / X-ray	Seperti yang Dikenakan (Tanpa bayaran tunai)
Lawatan Kecemasan Klinik Bukan Panel	Seperti yang Dikenakan (Pembayaran Balik)
Rawatan Pesakit Luar GP Luar Negara (Kecemasan sahaja)	RM60 setiap lawatan (Pembayaran Balik)
B) Rawatan Pesakit Luar Di Bawah Pakar Perubatan (SP)	
Klinik Pakar Perubatan (dengan rujukan daripada Panel GP) • Rundingan • Ubat-ubatan • Suntikan • Prosedur • Prosedur Diagnostik Makmal / X-ray	Seperti yang Dikenakan (Pembayaran Balik) Had Keseluruhan RM1,500 setiap tahun
Rawatan OPSP Luar Negara (Kecemasan sahaja)	RM150 setiap lawatan (Pembayaran Balik)



Hospital & Pembedahan Berkelompok

Jumlah Manfaat Keseluruhan

Manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)	Pelan 5 (RM)
MANFAAT PERUBATAN PENGHOSPITALAN					
Bilik & Makanan di Hospital					
a) Bilik Biasa Maksimum sehingga 180 hari untuk Hospital Swasta Maksimum sehingga 180 hari untuk Hospital Kerajaan	500	350	250	200	150
b) Kes Unit Rawatan Rapi (ICU) Maksimum sehingga 30 hari setahun untuk Hospital Swasta atau Hospital Kerajaan	Seperti yang Dikenakan*				
Bekalan & Perkhidmatan Hospital	Seperti yang Dikenakan*				
Fi Pembedahan					
Fi Bilik Bedah					
Fi Pakar Bius					
Lawatan Doktor Dalam Hospital (maksimum 2 lawatan sehari, maksimum sehingga 180 hari setahun)					
MANFAAT PRA PENGHOSPITALAN					
Ujian Diagnostik Pra Penghospitalan (dalam 60 hari sebelum penghospitalan sahaja)	Seperti yang Dikenakan*				
Pra Penghospitalan Rundingan Pakar & Perubatan (dalam 60 hari sebelum penghospitalan sahaja)					
Pendapat Kedua Perubatan (di Malaysia sahaja)					
MANFAAT SELEPAS PENGHOSPITALAN					
Rawatan Selepas Penghospitalan (dalam 90 hari selepas pelepasan)	Seperti yang Dikenakan*				
Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar (Dalam 180 hari selepas pelepasan)					

Manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)	Pelan 5 (RM)
MANFAAT PERUBATAN KECEMASAN					
Rawatan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (dalam 60 hari selepas pelepasan rawatan pertama dari tarikh kemalangan)	Seperti yang Dikenakan*				
Rawatan Pergigian Akibat Kemalangan (dalam 14 hari selepas pelepasan rawatan pertama dari tarikh kemalangan)					
Rawatan Sakit Pesakit Luar (dari 10 malam hingga 8 pagi sahaja)					
MANFAAT PERUBATAN PESAKIT LUAR					
Prosedur Penjagaan Harian	Seperti yang Dikenakan*				
Rawatan Kanser Pesakit Luar					
Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar					
MANFAAT LAIN					
Fi Ambulans	Seperti yang Dikenakan*				
Fi Laporan Perubatan	100	100	100	100	100
Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan	200	200	200	200	200
*HAD TAHUNAN KESELURUHAN	200,000	150,000	100,000	75,000	30,000
Perbelanjaan Pengebumian	10,000	10,000	10,000	10,000	10,000

Etiqua Oonline 1300 13 8888
www.etiqua.com.my



Untuk maklumat lanjut, terma dan syarat, sila rujuk kepada Wakil Etiqua anda seperti di bawah:



Diunderait oleh:

Etiqua Family Takaful Berhad (199301011506)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, Malaysia.

T +603 2297 3888 **F** +603 2297 3800